


**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(AKTA 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL
PERUMAHAN AWAM
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2000**

P.U.(A) 468/2000

SENARAI PINDAAN :

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1	P.U.(A) 106/2002	21/3/2002	
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

**Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 44
No. 26

21hb Disember 2000

TAMBAHAN No. 136
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 468.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PERUMAHAN AWAM (WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Dato Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Perumahan Awam (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2000**.

(2) Undang-Undang Kecil ini terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Dato Bandar” ertiaya Dato Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];

“harta Dato Bandar” ertinya mana-mana tanah atau bahagian tanah dalam kawasan perumahan awam, termasuk mana-mana unit rumah, lekapan dan kelengkapan dalam kawasan guna sama termasuk lif, saluran sampah, longkang, saluran najis, wayar, kabel, konduit dan segala kemudahan dan lekapan yang digunakan atau yang boleh digunakan atau dinikmati oleh penyewa;

“Kawasan guna sama” ertinya kawasan di luar unit yang didiami oleh penyewa dalam kawasan perumahan awam;

“penuh sesak” mempunyai pengertian yang sama seperti dalam seksyen 79 Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“penyewa” ertinya penyewa sesuatu unit perumahan awam dan termasuklah suami isteri, anak, ibu bapa, orang gaji dan tetamunya;

“perumahan awam” ertinya sesuatu bangunan yang didirikan oleh Dato Bandar untuk disewa kepada orang awam;

“unit” ertinya mana-mana rumah pada mana-mana tingkat dalam perumahan awam.

Kesalahan-kesalahan

3. Seseorang penyewa tidak boleh—

- (1) mengubahsuaikan atau menyebabkan diubahsuaikan atau menambah atau menyebabkan ditambah mana-mana unit tanpa kebenaran Dato Bandar;
- (2) menyalahgunakan atau menyebabkan apa-apa kerosakan atau kemusnahan kepada harta Dato Bandar, sama ada alih atau tak alih;
- (3) meletakkan atau menyebabkan diletakkan apa-apa kenderaan di mana-mana tempat yang bukan ditetapkan untuk meletakkan kenderaan;
- (4) melakukan atau membenarkan dilakukan apa-apa perbuatan yang menyebabkan atau boleh menyebabkan apa-apa kacau ganggu dalam unitnya atau dalam kawasan perumahan awam;
- (5) melakukan atau membenarkan dilakukan apa-apa perbuatan yang boleh membahayakan nyawa dan harta penyewa lain atau orang awam dalam kawasan perumahan awam;
- (6) menyewakan atau melepaskan pemilikan unit tersebut atau sebahagian daripada pemilikan unit kepada orang lain atau mengambil mana-mana penyewa tanpa kebenaran Dato Bandar;
- (7) menggunakan unitnya atau mana-mana bahagian kawasan perumahan awam bagi maksud mengendalikan apa-apa permainan, hiburan awam, ucapan awam, tunjuk perasaan atau perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan bagi apa-apa kempen, promosi perdagangan, kegiatan politik, agama atau sosial atau apa-apa kegiatan lain tanpa kebenaran Dato Bandar;

-
- (8) melindungi atau membenarkan dilindungi mana-mana pendatang tanpa izin, pelacur, penjudi, penagih dadah, penjenayah atau mana-mana orang yang berkelakuan dengan apa-apa cara yang sumbang dalam unitnya;
 - (9) menggunakan unitnya sebagai tempat penagihan atau pengedaran dadah, pelacuran, perjudian atau perlindungan pendatang tanpa izin;
 - (10) memelihara apa-apa binatang seperti kucing, ayam itik, anjing, burung atau apa-apa binatang lain dalam unitnya atau di mana-mana tempat dalam kawasan perumahan awam tersebut;
 - (11) menggunakan apa-apa kemudahan yang disediakan bagi kegunaan penyewa-penyewa perumahan awam seperti rumah mayat, dewan orang ramai, tanah kosong dan apa-apa kemudahan lain tanpa mendapat kebenaran Dato Bandar terlebih dahulu;
 - (12) membuang atau menyebabkan dibuang atau melonggokkan atau menyebabkan dilonggokkan apa-apa kertas, sampah, puntung rokok atau barang buangan dalam mana-mana kawasan selain daripada tempat untuk pembuangan sampah;
 - (13) menyebabkan mana-mana besen, tandas dan longkang di dalam kawasan guna sama tersumbat;
 - (14) menggantung apa-apa pasu bunga atau meletakkan apa-apa perabot atau barang-barang lain di balkoni unit tersebut dengan apa-apa cara yang boleh menyebabkan bahaya atau kacau ganggu kepada penyewa lain dan orang awam;
 - (15) meletakkan apa-apa benda di koridor, tangga atau di mana-mana tempat yang disediakan untuk kegunaan bersama dalam kawasan perumahan awam;
 - (16) menyebabkan atau membenarkan unit kediamannya menjadi penuh sesak;
 - (17) memasang pendawaian elektrik dan penyiaran tambahan dalam unit atau mana-mana bahagian bangunan perumahan awam tersebut tanpa kebenaran Dato Bandar;
 - (18) mempamerkan apa-apa iklan di luar mana-mana bahagian unit atau kawasan perumahan awam tanpa kebenaran Dato Bandar;
 - (19) mengambil atau menggunakan air daripada paip air yang dipasang terutamanya untuk kegunaan Dato Bandar dalam kawasan perumahan awam;
 - (20) memasang unit pendingin udara di mana-mana bahagian unitnya tanpa kebenaran bertulis Dato Bandar.

Kuasa untuk masuk ke premis untuk pemeriksaan dan lain-lain

4. Seseorang pegawai sesuatu pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis dengan sewajarnya bolq̄ pada setiap masa yang munasabah, memasuki mana-mana premis dalam kawasan pihak berkuasa tempatan bagi maksud menjalankan apa-apa kuasa pemeriksaan, penyiasatan atau menjalankan kerja, yang diberi kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan.

Penalti am

5. Mana-mana penyewa yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Dibuat 26 Jun 2000.
[JHEU2/28/97; PN(PU?)328/35]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF
Dato Bandar Kuala Lumpur

Disahkan 21 November 2000.

DATO' SERI ONG KA TING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

**PUBLIC HOUSING (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)
BY-LAWS 2000**

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of that Act, the Minister confirms, the following by-laws:

Citation and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Public Housing (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 2000**.
- (2) These By-Laws shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur appointed under section 4 of the Federal Capital Act 1960 [Act 190];

“Commissioner’s property” means any land or part of land within any public housing area, including any unit of housing, fixtures and equipment in the common area, including the lifts, refuse chute, drains, sewerage pipes, wires, cables, conduits and all facilities and fixtures that are used or to be used or enjoyed by the dwellers;

“common area” means the area outside the unit being occupied by a tenant within any public housing;

“overcrowded” has the same meaning as in section 79 of the Local Government Act 1976;

“tenant” means tenant of a unit of the public housing and includes the spouse, children, parents, servants and guests of tenant;

“public housing” means a building erected by the Commissioner for rent to members of public;

“unit” means any house at any floor within the public Housing.

Offences

3. Any tenant shall not—

- (1) modify or cause to be modified or add to or cause to be added to any units without permission from the Commissioner;
- (2) misuse or cause any damage to or destruction to the Commissioner’s property, whether moveable or immoveable;
- (3) park or cause to be parked any vehicle at any place which is not designated for parking;
- (4) commit or permit to be committed any act which causes or likely to cause any nuisance within the unit or within the public housing area;
- (5) commit or permit to be committed any act which is likely to endanger life and property of other tenant or the general public within the public housing area;
- (6) let out or part with the possession of the unit or part of it to another person or take any lodger without permission from the Commissioner;
- (7) use his unit or any part of the public housing area for the purpose of running any game, public entertainment, public address, demonstration or assembly, meeting, gathering for any campaign, trade promotion, political activities, religious or social or any other activities without permission from the Commissioner;

- (8) harbour or permit to be harboured any illegal immigrant, prostitute, gambler, drug addict, criminal or any person who behaves in any immoral manner in the unit;
- (9) use his unit as a place for drug taking or drug trafficking, prostitution, gambling or harbouring illegal immigrant;
- (10) keep any animal such as cat, poultry, dog, bird or any other animal in his unit or in any place within the public housing area;
- (11) use any facility which is provided for the use of the tenant in the public housing such as funeral hall, public hall, vacant land and other facilities without prior permission from the Commissioner;
- (12) throw or cause to be thrown or accumulate or cause to be accumulated any paper, rubbish, cigarette butt or discarded thing in any area other than the place for refuse disposal;
- (13) cause any basin, lavatory and drain in the common area to be blocked;
- (14) hang any flower pot or place any furniture or other thing at the balcony of the unit in such manner which may cause danger or nuisance to the other tenant and public;
- (15) place anything at the corridor, staircase or at any place which is provided for common use within the public housing;
- (16) cause or allow his dwelling unit to be overcrowded;
- (17) install additional electrical and transmission wiring in the unit or any part of the public housing building without permission from the Commissioner;
- (18) display any advertisement outside any part of the unit or public housing area without permission from the Commissioner;
- (19) draw or use water from the watermain which is installed especially for the use of the Commissioner within the public housing area;
- (20) install any air-conditioner in any part of the unit without written permission from the Commissioner.

Power to enter premise for inspection and others

4. Any officer of a local authority duly authorised in writing may at all reasonable times, enter any premises within the local authority area for the purpose of exercising any power of inspection, enquiry or execution of works which is given to a local authority.

General penalty

5. Any tenant who contravenes any provision or these By-Laws shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding six months or to both.

Made 26 June 2000.
[JHEU2/28/97; PN(PU²)328/35]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Confirmed 21 November 2000.

DATO' SERI ONG KA TING
Minister of Housing and Local Government

P.U. (A) 469.**KANUN TANAH NEGARA**

**PENETAPAN TARIKH MULA BERKUAT KUASA SISTEM PENDAFTARAN TANAH
BERKOMPUTER DI PEJABAT PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI SELANGOR
DAN PEJABAT PENTADBIR TANAH GOMBAK, SELANGOR**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5A(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, menetapkan 15 November 2000 sebagai tarikh mula berkuat kuasa Sistem Pendaftaran Tanah Berkompputer di pejabat Pendaftar Hakmilik Negeri Selangor dan pejabat Pentadbir Tanah Gombak, Selangor.

Bertarikh 4 Disember 2000.
[KTPK. 60/03/203/001; PN(PU²)213/XXV]

TAN SRI DATUK KASITAH GADDAM
Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi

NATIONAL LAND CODE


**APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO FORCE OF THE COMPUTERISED LAND
REGISTRATION SYSTEM IN THE OFFICE OF THE REGISTRAR OF TITLES OF SELANGOR
AND IN THE OFFICE OF THE LAND ADMINISTRATOR OF GOMBAK, SELANGOR**

IN exercise of the powers conferred by subsection 5A(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the Minister, with the approval of the National Land Council, appoints 15 November 2000 as the date of coming into operation of the Computerised Land Registration System in the office of the Registrar of Titles of Selangor and in the office of the Land Administrator of Gombak, Selangor.

Dated 4 December 2000.
[KTPK. 60/03/203/001; PN(PU²)213/XXV]

TAN SRI DATUK KASITAH GADDAM
Minister of Land and Co-operative Development

P.U.(A) 106/2002



M A L A Y S I A

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 6

21hb Mac 2002

*TAMBAHAN No. 30
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 106.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PERUMAHAN AWAM
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Dato Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu, Menteri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Perumahan Awam (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2002**.

Pindaan undang-undang kecil 4

2. Undang-Undang Kecil Perumahan Awam (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2000 [P.U. (A) 468/2000], dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 4 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Kuasa memasuki premis bagi pemeriksaan, dsb.

4. Dato Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Dato Bandar dengan sewajarnya boleh pada bila-bila masa yang munasabah memasuki mana-mana unit perumahan awam dalam kawasan pihak berkuasa

tempatan bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan Undang-Undang Kecil ini.”.

Dibuat 12 Januari 2002.
[JHEU2/28/97; PN(PU²)328/35]

KOL. DATUK MOHAMAD SHAID BIN MOHD. TAUFEEK
Dato Bandar Kuala Lumpur

Disahkan 8 Februari 2002.

DATO' SERI ONG KA TING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PUBLIC HOUSING (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) BY-LAWS 2002

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of that Act, the Minister confirms the following by-laws:

Citation

1. These by-laws may be cited as the **Public Housing (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-Laws 2002**.

Amendment of by-law 4

2. The Public Housing (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 2000 [P.U. (A) 468/2000], are amended by substituting for by-law 4 the following by-law:

“Power to enter premise for inspection, etc.

4. The Commissioner or any officer duly authorized by the Commissioner may at all reasonable times enter any unit of the public housing within the local authority area for the purpose of carrying out or enforcing of these By-Laws.”.

Made 12 January 2002.
[JHEU2/28/97; PN(PU²)328/35]

KOL. DATUK MOHAMAD SHAID BIN MOHD. TAUFEEK
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Confirmed 8 February 2002.

DATO' SERI ONG KA TING
Minister of Housing and Local Government